PELAKSANAAN MIKROORGANISMA BERKESAN (EM)

Di Taman Tasik, Kluang

Kluang, 1 Februari 2010 - Fasa pertama program rawatan pemulihan kualiti air di Taman Tasik, Kluang tahun 2010 telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kluang (MPK) menggunakan kaedah bioteknologi mikroorganisma berkesan (EM).

Aplikasi EM di tasik tersebut dilaksanakan secara berperingkat yang melibatkan 2 fasa pelaksanaan. Dalam fasa pertama, sebanyak 3,500 liter larutan EM dan 4,000 biji EM Mud-Ball telah digunakan manakala fasa ke-2 yang dijangka dilaksanakan pada pertengahan Jun tahun ini akan melibatkan penggunaan sebanyak 3,000 liter larutan EM dan 6,000 biji EM Mud-Ball. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk membudayakan pelaksanaan EM di semua agensi kerajaan dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Terdapat 2 kaedah pemulihan yang diaplikasikan iaitu secara penyemburan larutan EM dan dengan mencampak EM Mud-Ball ke dalam tasik. Tujuan pelaksanaan EM adalah mengurangkan bau busuk, meningkatkan kualiti air dan membaikpulih ekosistem dalam kolam takungan serta sungai yang semakin pupus disebabkan oleh pencemaran air. Selain itu juga, pelaksanaan EM bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang tanggungjawab bersama dalam pemuliharaan alam sekitar. Sebelum ini MPK telah melaksanakan semburan EM di kawasan-kawasan tumpuan utama seperti Pasar Awam, Gerai Makanan dan Tandas Awam bagi mengatasi masalah pencemaran bau dan kebersihan selain di tapak semaian sebagai alternatif penggunaan baja organik.

Menyemburan ***larutan EM***

Penggunaan EM dalam masyarakat juga boleh membantu memulihara alam sekitar melalui kaedah kitar semula sisa buangan makanan yang boleh menghasilkan baja EM-Kompos Organik dan larutan EM Jus Sampah. Ia bukan sahaja dapat membantu dalam rawatan air di kolam atau sungai yang tercemar malah secara tidak langsung ia boleh digunakan sebagai baja tanaman dan tumbuhan. MPK akan terus melaksanakan program pemulihan alam sekitar khususnya di kawasan pentadbirannya dengan kaedah Bioteknologi EM ini bagi kesejahteraan rakyat Kluang.

LAWATAN KE PUSAT

PEMBUATAN EM Mud-Ball

Batu Pahat, 2 Januari 2010 - Selaras dengan hasrat MPK untuk membudayakan penggunaan mikroorganisma berkesan (EM) dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan kebersihan di kawasan kawalannya, satu lawatan kerja telah dibuat oleh Yang Dipertua ke Pusat Perusahaan EM Mud-Ball di Kg. Sri Wangi, Batu Pahat, Johor bersama pegawai-pegawai yang terlibat bagi melihat sendiri secara lebih dekat proses pembuatan EM (Mud-Ball). Penggunaan EM adalah merupakan salah satu kaedah penyelesaian masalah yang diaplikasikan oleh MPK dalam menanganai isu-isu berkaitan kebersihan dan pencemaran alam sekitar.


GEMPAK astro
Imbasan Tahun 2009
CABUTAN BERTUAH UNTUK PEMBAYAR CUKAI SEMPENA PROGRAM GEMPAK ASTRO
BERSAMA TUN JEANE DAN MB SEMASA FESTIVAL TAMAN MALAYSIA DI TAMAN HUTAN BANDAR, MUTIARA RINI, JOHOR BAHRU
MALAM KONSERT GEMPAK ASTRO DI DATARAN TASIK KLUANG
MAJLIS RAMAH MESRA YDP BERSAMA PENGERUSI JAWATANKUASA PENDUDUK
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
SEKITAR SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2009
YDP BERSAMA PENGAWAI DI HADAPAN GUBUK KOPI KLUANG
PERTANDINGAN BOLING ANTARA JABATAN/BAHAGIAN MPK
PROGRAM GERAK MESRA DAN KEMPEN ANTI DENGGI DI PADANG AWAM TAMAN MAJUPADU
MALAM MESRA BERSAMA YDP
REWANG SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
GOTONG ROYONG MEMBERSIHKAN KAWASAN PEJABAT
KELETAH.. MARIA TENGKU SABRI SEWAKTU KEMBARA TV3
KEMBARA TV3 DI DATARAN TASIK MPK
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PENGGAL 2009-2010
PAMERAN ORKED DAN BONSAI ANTARABANGSA JOHOR BAHRU
MARHABAN PADA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PAMERAN ORKED DAN BONSAI ANTARABANGSA JOHOR BAHRU
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-52
MAJLIS HARI RAYA HAJI/KORBAN
MARHABAN HARI RAYA DI RUMAH YDP
PERTANDINGAN ZAPIN PERINGKAT DAERAH KLUANG
MENJAMAH KEKU APIS SARAWAK SEWAKTU LAWATAN KE SARAWAK
MAJLIS BERBUKA PUASA DAN KHATAM AL-QURAN
SUMBANGAN KURMA DARIPADA KELAB SUKAN MPK
LAWATAN KE SARAWAK
TAMAT
HARI LANDSKAP NEGERI JOHOR
CABARAN MENDAKI GUNUNG LAMBAK SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM BAGINDA SULTAN JOHOR
MAJLIS MERAIKAN MANTAN AHLI MAJLIS, PESARA, BAKAL HAJI DAN PELANTIKAN PENGERUSI JAWATANKUASA PENDUDUK
JAMUAN HARI RAYA DALAMAN MPK
SENAMROBIK DAN POCO-POCO BERSAMA GEMPAK ASTRO

Bayar Cukai Harta Menangi Sebuah Motosikal!!!

Mudah bukan?? Dengan membayar Cukai Harta anda berpeluang menyertai dan memenangi sebuah Motosikal. Cabutan Bertuah ini adalah merupakan salah satu usaha Majlis Perbandaran Kluang (MPK) bagi menggalak dan mendidik warga Kluang menunaikan tanggungjawab menjelaskan Cukai Harta dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, potongan 50% denda lewat bayar turut diberikan kepada pembayar-pembayar cukai harta yang menjelaskan keseluruhan tunggakan cukai.

Insentif ini telah dilaksanakan di MPK sejak tahun 2004 dan tahun ini adalah merupakan pemberian insentif kali ke-5 dalam tempoh 7 tahun pelaksanaan. Pemberian insentif ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pembayar-pembayar Cukai Harta di Kluang yang secara langsung memberi kesan positif pada prestasi kutipan Cukai Harta MPK.

Sebanyak 124 hadiah disediakan untuk pemenang dan hadiah utama yang ditawarkan adalah sebuah motosikal Yamaha Legenda 110cc, manakala hadiah lainnya adalah berupa barangan elektrik.

Peluang ini adalah terbuka kepada pembayar-pembayar Cukai Harta yang membuat bayaran bermula 1 Januari hingga 31 Mac pada tahun pelaksanaan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Bagi tahun 2010, cabutan akan dilakukan dalam tempoh terdekat dan senarai pendek calon yang layak menerima hadiah akan diumumkan.

"Jelaskan Cukai Harta Anda, Elak Denda dan Sita"

Imbasan Pemenang Cabutan Bertuah Tahun 2009

LARANGAN AKTIVITI PENYEMBELIHAN

DAN PEMPROSESAN AYAM DI GERAI AYAM, PASAR AWAM KLUANG.

Kluang, 7 Jun 2010 - Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah mengeluarkan arahan larangan kepada pengusaha Gerai Ayam di Pasar Awam Kluang menjalankan aktiviti penyembelihan dan pemprosesan di kawasan tersebut. Larangan yang dikeluarkan ini adalah selaras dengan arahan kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri Johor sebagai langkah berjaga-jaga untuk membendung wabak selsema burung daripada merebak. Larangan ini juga dikeluarkan adalah bagi mengatasi masalah pencemaran air di Sungai Mengkibol dan pencemaran bau busuk kepada penduduk sekitar terutama penduduk di Kg. Melayu yang berpunca daripada sisa buangan daripada aktiviti penyembelihan dan pemprosesan yang tidak terkawal. Tarikh akhir arahan tersebut dikuatkuasakan adalah pada 1 Julai 2010.

Bagi mengatasi masalah pengusah, aktiviti tersebut dicadangkan dijalankan di pusat penyembelihan dan pemprosesan sedia ada di sekitar daerah Kluang. MPK juga mencadangkan agar pihak pengusha ayam mewujudkan pusat penyembelihan moden secara usaha sama di lokasi yang lebih sesuai dan selamat serta mampu menampung keperluan bekalan ayam bersih yang semakin meningkat di masa hadapan.

ARAHAN MEMINDAHKAN OPERASI

PERNIAGAAN KIMPALAN KE KAWASAN PERINDUSTRIAN

Kluang, 31 Mac 2010 - Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan aktiviti kimpalan, mengecat, bengkel dan aktiviti kejuruteraan lain beroperasi di sekitar Jalan Senohong dan Jalan Selar, Kluang. Pengusaha peniagaan di kawasan tersebut telah diarahkan untuk berpindah ke kawasan yang lebih sesuai iaitu kawasan perindustrian. Tindakan ini diambil kerana aktiviti tersebut adalah tidak sesuai dijalankan di sekitar kawasan perumahan. Pelbagai isu dan masalah timbul termasuklah pencemaran habuk, pencemaran bau (bahan kimia/cat), pencemaran air (bahan buangan minyak) dan pencemaran bunyi yang sering menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk sekitar. Pengusaha yang terlibat telah diberikan notis dan tempoh secukupnya untuk memindahkan aktiviti perniagaan mereka. Tindakan pembatalan lesen dan seterusnya tindakan ke mahkamah akan dilaksanakan jika mereka masih ingkar ke atas arahan yang telah dikeluarkan.

Penubuhan Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di MPK

Unit Pesuruhjaya Bangunan atau Commisioner Of Building (COB) telah ditubuhkan secara rasmi di MPK pada 1 Ogos 2008. Peranan utama COB adalah mengawal selia kesempurnaan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama yang dijalankan oleh Pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan pengurusan (MC). COB juga akan bertindak menyelesaikan pertelingkahan yang timbul dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa yang diberikan oleh Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] bagi bangunan bertingkat yang berhakmilik strata agar dapat dipatuhi dengan baik dan teratur. Menyingkap sejarah awal penubuhan, Unit COB telah ditubuhkan pada tahun 2008 diketuai oleh seorang pegawai berjawatan Penolong Pegawai Penilaian gred W27 yang dipinjamkan daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Yang Dipertua, Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam adalah selaku Pesuruhjaya Bangunan yang mempunyai kuasa dibawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]. Pada awal tahun 2009, unit ini telah dinaik taraf dan Penolong Pegawai Penilaian gred W36 daripada JPPH telah dipinjamkan untuk mengetui unit ini. Pada 1 Julai 2009, Kerajaan telah memutuskan untuk memindahkan pejawatan Unit COB di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan pada 1 Oktober 2009, jawatan Penolong Pegawai Penilaian W36 telah diisi oleh pegawai MPK, Encik Mohd Nasir Bin Haji Omar dan seterusnya pada 1 April 2010 dua jawatan Penolong Pegawai Penilaian W27 dan satu jawatan Penolong Akauntan W27 telah diisi. Hanya satu kekosongan jawatan Pembantu Tadbir N17 masih belum diisi sehingga kini. Fungsi dan Aktiviti Unit COB adalah menyelia inventori ke atas bangunan-bangunan bertingkat di dalam kawasan pentadbiran MPK, memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi pembangunan yang melibatkan pemilikan berstrata, menyelesaikan sebarang pertikaian di antara pemaju dan pembeli berkaitan penubuhan JMB dan Akaun Penyelenggaraan Bangunan (BMA) serta menguat kuasa dan mentadbir peruntukan undang-undang.

PLAZA BCB

FLAT KOS RENDAH TAMAN SRI KLUANG

Antara Kuasa dan tanggungjawab COB adalah:

-- Menyelesaikan pertikaian yang berbangkit berkenaan Akaun Penyenggaraan Bangunan (BMA).

-- Melantik Ejen Pengurusan (EP) untuk menyelenggara dan menguruskan bangunan jika COB berpuashati tindakan tersebut perlu dilaksanakan.

-- Mengelurkan waran yang membenarkan penahanan apa-apa harta alih kepunyaan pembeli sekiranya terdapat permohonan daripada pemaju atau JMB untuk mengenakan tindakan tersebut ke atas pembeli yang mempunyai amaun caj tertunggak selama enam bulan.

-- Menentukan majlis MC memfailkan dengannya salinan akaun perbadanan telah diaudit yang telah dikemukakan kepada mesyuarat agung itu dan minit mesyuarat agung.

-- Mengenakan kompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta 663 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan memungut daripada orang yang melakukan kesalahan itu sejumlah kompaun yang tidak boleh melebihi denda maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

Subseksyen 21(3) Akta 663

Kegagalan pemaju menyerahkan APB kepada COB dalam tempoh ditetapkan, apabila disabitkan kesalahan boleh didenda

Tidak kurang RM10,000.00 dan tidak lebih RM100,000.00
Atau
Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun
Atau
Kedua-duanya.



KLUANG PARADE